

Geoterma

Angin

Matahari

Biojisim

Ombak

Air

Tenaga yang diperoleh daripada sumber tenaga ini juga dikenali juga sebagai tenaga solar. Tenaga ini boleh ditukarkan kepada tenaga elektrik dan tenaga haba.

Bahan daripada reputan benda hidup seperti tumbuhan dan najis haiwan untuk menghasilkan bahan api. Beberapa kaedah digunakan bagi menjanakan tenaga daripada sumber tenaga ini.

Sumber alam yang tidak terhad dan sentiasa ada. Tiupan angin yang kuat membolehkan kincir angin berputar bagi menjanakan tenaga elektrik.

Sumber tenaga yang berterusan membolehkan empangan dibina bagi menjanakan tenaga elektrik melalui stesen jana kuasa hidroelektrik. Tenaga ini dikenali sebagai tenaga hidro.

Tenaga haba yang diperoleh daripada perut bumi. Tenaga haba tersebut digunakan untuk menghasilkan wap atau stim yang akan menggerakkan turbin bagi menjanakan tenaga elektrik.

Sumber tenaga yang kuat mampu menjanakan tenaga elektrik melalui turbin yang diletakkan pada stesen jana kuasa.